

17 OCT 2003

OIC-Berakhir/I

SIDANG KEMUNCAK ISLAM BERAKHIR DENGAN DEKLARASI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini berakhir malam ini dengan Deklarasi Putrajaya yang menggariskan hala tuju masa depan bagi dunia Islam.

Perhimpunan terbesar pemimpin-pemimpin Islam yang berlangsung dua hari di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), yang terletak di pusat pentadbiran Malaysia yang baru, menghimpunkan raja-raja, keluarga diraja Arab, presiden dan perdana menteri hanya dua minggu sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas memegang jawatan selama 22 tahun.

Upacara penutup itu bermula dengan Dr Mahathir, yang mempengerusikan sidang kemuncak itu, menjemput Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk membacakan Deklarasi Putrajaya.

Sidang kemuncak itu merupakan yang pertama dan perhimpunan terbesar pemimpin Islam sejak serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept 2001.

Antara yang menghadiri upacara penutup itu ialah Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami, Presiden Pakistan Jen Pervez Musharraf, Raja Abdullah dari Jordan dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan menggantikan Dr Mahathir pada 31 Okt.

Dialog Wanita Pertama OIC menerimapiakai resolusi 10 perkara, yang antara lain menggesa penubuhan sebuah sekretariat tetap dalam pertubuhan itu bagi menangani isu wanita.

Syed Hamid turut mengemukakan Memorandum Keamanan yang disediakan oleh Perikatan Aman Rakyat Malaysia (Aman Malaysia), yang turut menggesa tindakan OIC yang lebih proaktif dan kolektif bagi menamatkan penindasan Israel terhadap rakyat Palestin serta pendudukan di Iraq.

Sebelum majlis itu tamat, Dr Mahathir mengumumkan sumbangan berjumlah USD1 juta kepada OIC daripada kerajaan Kuwait.

Perdana Menteri, yang akan bersara penghujung bulan ini, turut menerima anugerah penghargaan atas sumbangannya daripada OIC yang mengiktiraf sumbangan beliau yang cemerlang, substantif dan berkesan ke arah objektif OIC yang mulia.

Anugerah penghargaan itu disampaikan kepada Dr Mahathir oleh Presiden Sierra Leone Ahmad Tejan Kabbah.

Dr Mahathir juga menghargai kata-kata penghargaan daripada Kabbah dan mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin serta delegasi di samping penterjemah yang menjadikan sidang kemuncak itu sesuatu yang dapat dipuji.

Upacara penutup yang mengambil masa hampir sejam itu berakhir dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan doa.

Selepas mengisytiharkan penutupan sidang kemuncak itu, pemimpin dan delegasi di Dewan Pleno pusat konvensyen yang serba canggih itu berbaris untuk mengucapkan selamat dan mengambil peluang bergambar bersama-sama Dr Mahathir.

Sidang kemuncak itu, yang pertama diadakan di wilayah Asia Pasifik merupakan perhimpunan pemimpin Islam yang terbesar sejak penubuhan OIC pada 1969 dengan 57 anggota.

Di samping pemimpin Islam dari Asia Barat, Afrika, Asia dan Pasifik, Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Filipina Gloria Arroyo merupakan antara yang hadir sebagai tetamu khas.

-- BERNAMA

HS RT SM AU ROS